

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERKASA EKONOMI PELADANGNITA, NASIONAL, SH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	21 NELAYAN ASING DITAHAN, NILAI RAMPASAN RM1.5 JUTA, DALAM NEGERI, UM -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	MASIH LAGI BERANI MENCEROBOH, SETEMPAT, HM -34	
4.	BOM IKAN GUNA BAJA AMMONIA, PELEDAK KUARI, NASIONAL, BH -22	
5.	KEGIATAN HARAM PENDATANG JEJAS NELAYAN TEMPATAN, NASIONAL, BH -22	
6.	HARI PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN NEGERI KELANTAN (HPPNK) 2019, DARUL NAIM, SH -37	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	MERUDUM!, SETEMPAT, HM -36	LAIN - LAIN
8.	FORGOTTEN POTENTIAL IN FISHERY INDUSTRY, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B5	
9.	PORK'S PRICE HIKE FROM RM0.50 TO RM1 PER KG, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A34	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Perkasa ekonomi peladangnya

**MOA bantu
perluaskan pasaran
produk golongan
peladang wanita**

**SITI NURSYAHIDAH
ABU BAKAR**

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) komited untuk memperkasakan ekonomi peladang wanita ke tahap lebih tinggi.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ini termasuklah membantu memperluaskan pasaran produk yang mereka hasilkan dengan pelbagai insentif dan latihan.

“Sudah tiba masanya kementerian melalui jabatan dan agensi-

nya membantu untuk memastikan produk mereka dapat dipasarkan sama ada di pasaran domestik mahupun antarabangsa.

“Memang diakui ada kesukaran untuk mereka dapatkan pensijilan agar produk yang dihasilkan terjamin dari segi kesihatan dan keselamatan.

“Tetapi kementerian akan cuba memudahkan proses itu. Misalnya, setiap usahawan akan diberikan sesi khidmat nasihat secara klinikal untuk memastikan produk mereka selamat dipasarkan,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Simposium Peladangnya Kebangsaan 2019 di

Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman dan Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim.

Menurut Salahuddin, kursus-kursus bagi membantu peladang wanita itu akan turut diperluaskan ke negeri-negeri.



FOTO: ROSLI TALIB

“LPP, MARDI dan jabatan lain sentiasa membekalkan mereka dengan pengetahuan baharu dari sudut teknologi serta penerangan mengenai bantuan atau pinjaman yang boleh diperolehi untuk membantu memajukan produk mereka,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut berbangga dengan keghighan usahawan peladangnya memajukan perniagaan mereka.

“Apabila turun padang, saya dapati golongan wanita memang gigih dan konsisten untuk pastikan produk mereka dimajukan. Itulah keistimewaan wanita sehingga ada yang berjaya mendapat pendapatan ribuan ringgit,” katanya.

Simposium Peladangnya 2019 yang berlangsung selama dua hari itu memberi peluang kepada usahawan peladang wanita berkongsi pengalaman dan maklumat berhubung pelaksanaan projek serta membina jaringan.

25/7/2019

UTUSAN

DALAM

14

MALAYSIA

NEGERI

21 nelayan asing ditahan, nilai rampasan RM1.5 juta

KEMAMAN 24 Julai - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan dua bot asing bersama 21 nelayan Vietnam termasuk tekong Terengganu dekat sini semalam.

Kesemua nelayan asing itu yang berumur 17 hingga 67 tahun ditahan dalam Op Iman dan Op Naga Barat Siri 1/2019 di sekitar perairan Terengganu.

Menurut Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid, dua bot nelayan asing itu ditahan bersama 21 nelayan terbabit pukul 3.30 petang dan 4.15 petang semalam pada kedudukan 104.4 hingga 108 kilometer di timur laut Kuala Kemaman.

Beliau berkata, sebelum itu

kedua-dua bot bersama nelayan Vietnam itu dikesan sedang menangkap ikan dan setelah menyedari kehadiran bot ronda Maritim Malaysia, mereka bertindak memotong tali pukat dan cuba melarikan diri.

"Setelah hampir sejam mengejar mereka, akhirnya mereka berjaya ditahan dan kita juga merampas 5,000 kilogram ikan campur, 1,500 kilogram ikan baja, diesel dengan anggaran 3,500 liter serta peralatan menangkap ikan.

"Nilai semua rampasan dianggarkan RM1.5 juta manakala kesemua bot dan hasil rampasan bersama nelayan Vietnam ini telah dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk tindakan lanjut," katanya dalam

sidang akhbar di sini hari ini. Jelasnya, kes itu diasing di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen yang sah dan kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia, Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985.

Rashidilhadi memberitahu, Maritim Malaysia akan mendapatkan perintah tahanan saman terhadap nelayan-nelayan terbabit di Mahkamah Majistret Kemaman pagi esok.

Menurutnya, operasi membanteras pencerobohan nelayan asing akan diteruskan menggunakan pelbagai kaedah bagi melindungi hasil laut negara dan khazanah daripada dirompak nelayan asing.



RASHIDILHADI ABD. RASHID menunjukkan antara hasil tangkapan yang dirampas dari bot nelayan Vietnam di Kemaman, semalam.

Masih lagi berani menceroboh

■ Pihak berkuasa tahan 21 nelayan warga Vietnam hasil laut di perairan negara

Rosli Haniff
arn@hmetro.com.my

Dengan

Nelayan Vietnam seakan-akan mencabar pihak berkuasa apabila masih berani menceroboh dan merompak hasil laut negara walaupun agensi penguatkuasaan giat mengadakan operasi mengesahkan kemasukan mereka ke perairan negara.

Ini terbukti apabila dua bot nelayan Vietnam terdiri daripada 21 nelayan termasuk jekong ditahan dalam Op Iman dan Op Naga Barat di sini, kelmarin membolehkan rampasan bernilai RM1.5 juta.

Dua bot nelayan itu masing-masing ditahan pada jarak 58 dan 60 batu laut di Timor Laut, Kuala Kemaman, di sini kira-kira jam 3.30 dan 4.15 petang.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander + Maritim Rashidulhadi Abd Rashid berkata, dua bot yang menggunakan nombor pendaftaran KG 1833 TS dan KG 90651 TS ditahan bersama nelayan berusia 17 hingga 67 tahun.

Katanya, pihaknya merampas 5,000 kilogram (kg) ikan campur, 1,500kg ikan beku, 3,500 liter diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai



RASHIDULHADI (kanan) memupuk ikan yang dirampas selepas menahan bot nelayan Vietnam di Kemaman.

RM1.5 juta.
"Seruwa nelayan dan barang rampasan dibawa ke jeti Zon Maritim Kemaman untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang media di jeti APMM Kemaman di sini, semalam.

Rashidulhadi berkata, seruwa yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana

menceroboh dan merompak ikan di perairan Malaysia tanpa lesen yang sah," katanya.

Dalam pada itu, Rashidulhadi berkata, 68 bot membabitkan 610 nelayan Vietnam ditahan bermula April hingga semalam dengan rampasan dianggarkan bernilai RM68 juta.

"Operasi membabitkan rondaan di kawasan perairan

Kelantan hingga ke Pahang dengan kerjasama pelbagai agensi iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kita dapati dalam tempoh tiga bulan ini, kemasukan nelayan Vietnam sangat serius memandangkan perairan ini mempunyai hasil tangkapan ikan yang bertam-tam tinggi.

"Berikutan arahan daripada Kabinet, kita akan terus berusaha mengesahkan aktiviti pencerobohan nelayan asing ini," katanya.

Bom ikan guna baja ammonia, peledak kuari

Impak letupan
cukup kuat, boleh
musnah hidupan
bawah laut

Laporan Khas

Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah
ihaddius@bh.com.my

Kota Kinabalu: Walaupun dihasilkan hanya dari botol kaca, baja ammonia dan peledak kuari, impak letupan bom ikan dikenal pasti cukup kuat sehingga boleh memusnahkan apa sahaja kehidupan di bawah laut.

Ini bermakna setiap hidupan marin dan batu karang, malah manusia sendiri yang berada berhampiran lokasi pengeboman ikan berisiko mengalami kecederaan atau mati akibat kesan gelombang letupan itu.

Berikutan aktiviti pengeboman ikan yang berleluasa di Perairan Sabah, timbul persoalan dari mana bahan membuat membuat bom ikan itu diperolehi kerana tiada sesiapa dibenarkan menjualnya di negara ini.

Sumber memberitahu BH, hanya pengusaha kuari diberikan permit kebenaran menggunakan bahan peledak dan kabel sumbu,

malah wujud kemungkinan ia dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan modus operandi digunakan, katanya, ada kemungkinan bahan peledak itu, termasuk kabel sumbu berkenaan dicuri dari tapak kuari sebelum dijual kepada nelayan untuk mengaut keuntungan mudah.

"Dalam setiap kerja meletupkan bongkah batu, pengusaha kuari biasanya memerlukan bahan peledak yang banyak untuk dimasukkan dalam lubang digeori bagi memastikan batu itu pecah dan hancur.

"Namun, ada kemungkinan bukan semus lubang itu diisi bahan peledak, sebaliknya ia dilarikan dari tapak kuari sebelum dijual kepada nelayan untuk membuat bom ikan," katanya.

Terdapat juga kemungkinan bahan membuat bom ikan berkenaan diseludup dari negara jiran memandangkan kebanyakan mereka yang melakukan kegiatan itu adalah warga asing, termasuk



Mohd Pajeri menunjukkan gambar peralatan membuat bom ikan.

(Foto Maim Rosmah Tuah/BH)

pendatang asing tanpa izin.

Ini diakui Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohd Pajeri Ali berdasarkan kes yang pernah dikendalikannya sebelum ini, termasuk bahan letupan dirampas dalam operasi mengekang kegiatan pengeboman ikan.

"Ia adalah bom buatan sendiri kecuali bahan peledak kita syak diseludup masuk ke Sabah dari negara jiran. Usaha memerangi kegiatan pengeboman ikan di perairan Sabah dilakukan oleh PPM secara berterusan," katanya.

Katanya, PPM Wilayah 4 sebelum ini pernah merampas bahan peledak daripada pembekal warga asing yang dipercayai mendapatkannya dari negara jiran untuk dijual kepada nelayan yang melakukan pengeboman ikan di Perairan Sabah.

Dalam kejadian pada 23 Februari 2016, sejumlah 100 unit kom-

Ia adalah bom buatan sendiri kecuali bahan peledak kita syak diseludup masuk ke Sabah dari negara jiran. Usaha memerangi kegiatan pengeboman ikan di perairan Sabah dilakukan oleh PPM secara berterusan.

Mohd Pajeri Ali,
Komander PPM
Wilayah 4 Sabah

ponen peledak, lapan gulung sumbu sepanjang 50.68 meter dan empat guli baja ammonia selepas menahan dua warga asing berhampiran Pasar Besar Kota Kinabalu.

Ia antara rampasan terbesar bahan letupan terbesar pernah direkodkan di negeri ini, khusus bagi menghasilkan bom ikan.

Sementara itu, baja ammonia pula yang disifatkan sebagai 'bahan pelengkap' pembuatan bom ikan sememangnya mudah diperolehi kerana banyak digunakan di ladang sawit dan dijual di premis peralatan pertanian, selain pembekal haram.

Biarpun gabungan botol kaca, baja ammonia dan peledak kelihatan ringkas, namun letupan dihasilkan memberi impak kemusnahan maksimum, termasuk mengancam nyawa manusia seperti tragedi mengorban tiga penyelam di Perairan Pulau Kulapuan, Semporna awal bulan ini.

Kegiatan haram pendatang jejas nelayan tempatan

Kota Kinabalu: Imej sektor perikanan Sabah yang terkenal dengan kekayaan hasil lautnya terjejas berikutan kegiatan pengeboman ikan yang semakin berleluasa di perairan negeri ini oleh pihak tidak bertanggungjawab, khususnya pendatang asing tanpa izin dari Filipina.

Pengerusi Persatuan Nelayan Sabah (PENGASAH), Datuk Arsit Sedi, berkata walaupun tiada nelayan tempatan terbahit dalam kegiatan haram itu, mereka turut terpalit kerana kegiatan itu berlaku di lokasi sama mereka mencari rezeki.

Malah, beliau menjelaskan kegiatan itu turut menjejaskan hasil tangkapan nelayan tempatan berikutan kemusnahan habitat dan

ekosistem marin akibat kegiatan pengeboman ikan yang memusnahkan apa saja hidupan di bawah laut.

"Bukan setakat ikan besar, rumah ikan, batu karang, sumber makanan ikan dan ekosistem marin di sesuatu tempat habis musnah jika terkena bom ikan. Kesannya, hari demi hari tangkapan nelayan tempatan semakin berkurangan kerana populasi ikan merosot.

"Lebih buruk lagi, nama nelayan tempatan juga terjejas kerana dituduh terbahit dalam kegiatan pengeboman ikan walaupun sebenarnya hanya pendatang tanpa izin yang aktif melakukan kegiatan berkenaan itu," katanya kepada BH.

Arsit berkata, pihaknya mengesan kegiatan itu sering berlaku di Kinarut, Papar, Pulau Gaya, Teluk Likas dan Sepanggar, Kudat, Pitas, Beluran, Sandakan, Lahad Datu, Kunak dan Semporna yang dikenal pasti menjadi sarang pendatang dari negara jiran itu.

Difahamkan, selain dijual secara terbuka di pasar awam, pasar malam atau tamu mingguan, ikan yang ditangkap menggunakan bahan letupan juga dijadikan ikan masin dengan sasaran utama ialah ikan suling, putih, kerapu dan ikan batu.

Secara purata, sekurang-kurangnya satu aktiviti pengeboman ikan dilakukan sehari di setiap kawasan perairan negeri ini atau

sekurang-kurangnya 19 letupan bom ikan di Sabah berlaku setiap hari.

Sebelum ini, pengiat aktiviti menyelam turut menyuarakan kebimbangan terhadap aspek keselamatan penyelam, lebih-lebih lagi selepas insiden meragut nyawa tiga penyelam di Perairan Pulau Kulapuan, Semporna awal bulan ini.

Malah, kawasan taman marin turut tidak terlepas daripada ancaman itu, termasuk Taman Tunku Abdul Rahman di perairan Kota Kinabalu, Taman Tun Mustapha di Kudat, Taman Pulau Sipadan dan Taman Marin Tun Sakaran di Semporna.

Berdasarkan statistik Pasukan Polis Marin (PPM), 30 kes ber-

kaitan pengeboman ikan dikesan di seluruh negeri antara Januari hingga Jun lalu dengan jumlah tertinggi sebanyak 13 kes di Semporna, diikuti 11 kes di Kota Kinabalu.

Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia pula melaporkan, di Semporna saja 263 aktiviti pengeboman ikan dikesan ketika kajian dijalankan di perairan daerah itu antara Jun hingga September tahun lalu.

Statistik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) pula menunjukkan 14 kes berkaitan pengeboman ikan direkodkan, masing-masing 11 kes pada tahun lalu dan tiga kes lagi pada tahun ini membabitkan seramai 19 orang tahanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2019	SINAR HARIAN	DARUL NAIM	37

ھاري قلاذغ، قنترنق دان نلاين نكري كلتن



HARI PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN NEGERI KELANTAN (HPPNK) 2019

BERTEMPAT DI **PANTAI BISIKAN BAYU
SEMERAK, PASIR PUTEH**

31 JULAI - 04 OGOS
2019
28 ZULKAEDAH - 03 ZULHIJAH 1440H

MASA
10:00 PAGI - 11:00 MALAM



"Bertani Satu Ibadah"

ACARA-ACARA MENARIKI!

- ☑ Jualan Anak Pokok Buahhan & Bungaan
- ☑ Pertandingan 'Explorace'
- ☑ Kuiz & Cabutan Bertuah
- ☑ Pertandingan Memancing
- ☑ Pertandingan Burung Budgie
- ☑ Demonstrasi & Seminar
- ☑ Pertandingan Mewarna
- ☑ Pertandingan 'Igak' Anak Itik
- ☑ Persembahan Dikir Barat
- ☑ Pertandingan Sepakan Penalti Pantai
- ☑ Pertandingan Replika Haiwan
- ☑ Persembahan Buskers
- ☑ Pertandingan Hasil Pertanian
- ☑ Pertandingan Arnab Cantik
- ☑ Persembahan Wayang Kulit
- ☑ Pertandingan Produk Industri Asas Tani
- ☑ Pertandingan Ayam Sorak
- ☑ Forum Perdana Ehwal Islam
- ☑ Pertandingan Ikan Cantik
- ☑ Pertandingan Tikam Pah
- ☑ Sukan Rakyat
- ☑ Pertandingan Lembu NaimBif
- ☑ Pameran Jabatan & Agensi
- ☑ 'Fun Ride'
- ☑ Pertandingan Ternakan Kambing & Bebiri
- ☑ Pameran Ternakan
- ☑ Pesta Makan Buah Bermusim
- ☑ Pertandingan Beruk Pulas 'Nyor'
- ☑ Pameran Hidang Kerapu Gergasi
- ☑ Jualan Promosi Barang Kawalan



**SEMUA
DIJEMPUT
HADIR!**

DAN BANYAK LAGI!!!

BERKATAN | KEMAKMURAN | KEBAJIKAN

HARIAN METRO

Foto: AHMAD RABUL ZULKIFLI



ARTHUR Bonja Santana, 26, (dua dari kiri) dan Ana Maria Zoldarha Pereira, 24, (tari) dari Federal University of Uberlandia, Brazil mencuba madu lebah kelulut di Galeri Madu Kelulut Bukit (GMKB) di Bukit Bayas. Gambar dalam bulatan, Mohd Sufian.

■ Lambakan mendorong harga madu lebah kelulut merosot di pasaran

Ahmad Rabul Zulkifli
am@metro.com.my

Masa Terengganu

Kemerosotan pasaran madu lebah kelulut di negeri ini kian membimbangkan apabila hanya 30 peratus madu lebah kelulut yang terjual setiap bulan berbanding 80 peratus pada tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Lebah Kelulut Terengganu (Pelekat), Mohd Sufian Mat Noor berkata, jualan madu lebah kelulut tidak semeriah tahun lalu sekali gus membimbangkan semua penternak di negeri ini.

"Sebelum ini, permintaan terhadap madu lebah kelulut sangat tinggi seiring dengan pengeluarannya tetapi lambakan madu lebah kelulut di pasaran menyebabkan harga untuk sekilogram madu lebah kelulut itu turun di pasaran buat pertama kali.

"Jika dahulu, madu lebah kelulut dijual dengan harga RM250 sekilogram tetapi harganya menurun sehingga RML20 sekilogram dan ia menjejaskan perkembangan kegiatan penternakan itu di negeri ini.

"Subsidi dan bantuan untuk menjalankan kegiatan

penternakan itu banyak disediakan kerajaan tetapi malangnya skop pasaran hasil dikeuarkan kurang diberi tumpuan menyebabkan rata-rata penternak baru tidak mempunyai pasaran memasarkan hasil di keluarkan," katanya ketika ditemui pada Program Lawatan Federal University of Uberlandia, Brazil ke Galeri Madu Kelulut Bukit (GMKB) di Bukit Bayas di sini, semalam.

Mohd Sufian berkata, pihak bertanggungjawab perlu membantu dalam menangani isu pasaran madu lebah kelulut itu supaya penternak baru yang dilahirkan melalui pelbagai skem bantuan disediakan kerajaan boleh menjana pendapatan.

"Tidak cukup sekadar memberi bantuan penternakan tetapi tidak menghiraukan hala tuju penternak dan proses memasarkan hasil madu lebah kelulut dikeluarkan mereka.

"Selingga kini, seramai 180 daripada 1,000 penternak di negeri ini berdaftar dengan Pelekat dan jumlah penternak lebah kelulut itu dijangka bertambah dari

semasa ke semasa," katanya.

Katanya, PELEKAT pernah merancang memasarkan semua hasil madu kelulut daripada semua penternak di negeri ini ke China pada awal tahun lalu tetapi tidak diteruskan kerana harga ditawarkan sangat rendah.

"Syarikat dari China itu ingin mengimport sebanyak 1,000 kilogram madu lebah kelulut dari negeri ini setiap

sebulan dengan harga RM80 sekilogram dan ia tidak berbaloi kerana tidak memberi pulangan sewajarnya kepada penternak.

"Kami harap pihak bertanggungjawab mengambil langkah bagi mengatasi masalah pasaran madu lebah kelulut ini dengan mewujudkan lebih banyak peluang pemasaran ke pasaran tempatan dan luar negara," katanya.

Menurutnya, birokrasi dan syarat pemasaran madu lebah kelulut juga perlu diberi kelonggaran supaya proses pemasaran hasil madu lebah kelulut itu boleh dibuat secara meluas tanpa terikat dengan peraturan membebankan penternak.

FAKTA

Hanya 30 peratus madu lebah kelulut yang terjual setiap bulan berbanding 80 peratus pada tahun lalu

Headline	Forgotten potential in fishery industry		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	25 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	59,667
Page No	B5	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,978
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,935



光華日報

EDCSK (KW4S190725B105)

被遗忘的渔业潜能

升旗山国会议员

黄汉伟 honwai_wong@yahoo.com



昇言堂

我于2019年7月9日在国会参与辩论2019年渔业修正法案二读。原本我是排在政府议员辩论名单中第一位。排在首名者有20分钟的辩论时段。党鞭后来把我名字排在尾端，最终是晚上7时才排到我成了第31位国会议员参与辩论。议长只给予5分钟时段。

党鞭之所以排我在尾端，原因是我之前已排首位辩论了好多个法案，该让机会给别人参与辩论。这个安排考验了我的耐心，我等了6个钟头才轮到我的辩论时段。

在有限的时段里，我讲了7分钟印度洋金枪鱼的潜能。马来报 Harian Metro 记者听了我的辩论后，要求访问我对于渔业的意见。

我在辩论时希望国会特别关注印度洋金枪鱼委员会、IOTC (Indian Ocean Tuna Commission) 的议题。它是各国之间协调金枪鱼捕捞的协会。印度洋不属于任何国家，它是世界上第三大海洋，是大量金枪鱼的来源，也是国际主要的金枪鱼来源之一。

IOTC 成立于1996年，截至目前已有32个国家成为委员会的成员，这包括印尼、菲律宾、泰国的东盟国家；而非东盟成员国的国家如中国、澳大利亚、日本和韩国也是这委员会的一员。马来西亚是于1998年加入了IOTC，并开始在印度洋捕捞金枪鱼。渔业修正法案是项授权法案，允许捕捞金枪鱼执照者在公海捕捞的同时也必须履行国际义务。

我强调这项法案并非魔术，一经通过就能确保我国在金枪鱼工业马到功成。我国要提高在这个行业的生产力，说到底还是得努力再努力。在金枪鱼行业里，我们不能只专注于捕捞，而是必须有长期发展这一行业的链条，即捕捞、储存、加工，因为这确是一个非常有利可图的行业。

IOTC 所批准的港口其实就是浮罗交怡和槟城。我国有C3捕捞金枪鱼渔船，在国际和国内海域开展捕鱼活动。我们船只所捕获的鱼类有鲣鱼、长鳍金枪鱼、大眼金枪鱼和黄鳍金枪鱼。IOTC 授权予国内渔民的配额为135艘金枪鱼船，但我们只有18艘金枪鱼船，占配额的13.3%。因此，我们仍有很大的空间来填满配额。

IOTC 给予马来西亚的配额或固打是每年3万公吨，这是赚取价值为3亿马币的巨大潜在性。这种相对较高的潜力，不仅能帮助我们的经济，同时也能填补国人的胃，因为鱼和海鲜是国内家庭的重要食品之一。根据我国向印度洋金枪鱼委员会中的科学委员会提交的年度报告，2018年的所捕获的数据为3165.47公吨，价值约为3000万马币。

虽然我国在捕获金枪鱼的价值数据有所增加，不过它仅仅只是我们3万公吨配额的10%而已。此外，我也仔细研究了“2018年印尼向印度洋金枪鱼委员会中的科学委员会提交的国家报告”，并发现在2017年，印尼共捕获16万5725公吨的金枪鱼，是我国渔民所捕获金枪鱼的52倍。印尼在海上共拥有247艘渔船，而相对的，我国仅有少量的渔船，即18艘而已。印尼共有两个港口，即亚齐（苏门答腊）和丁格尔港（峇厘岛）。

而在泰国，渔民捕获金枪鱼的记录为7846公吨，是我国的12倍。许多来自外国的渔船，如台湾和日本皆停泊在泰国的普吉岛港口进行捕鱼活动。在这方面，我国远远落后于其他东盟国家，包括金枪鱼渔船的数量以及所捕获的金枪鱼数量。

在这之前，檳城港口曾在20世纪60年代成为金枪鱼渔船登陆的重要地点。在那个时候，船舶着陆及其他下游活动已成为檳城港口一项重要的活动。它也成了个中转港，将摄氏60度的“冷冻”金枪鱼转运往日本。顶级的金枪鱼生鱼片登陆檳城港口后，将通过航空途径，直接送往其他国家如美国、日本和台湾市场。不过，这已成为历史。如今金枪鱼的船只喜欢登陆在泰国普吉岛和印度尼西亚的港口而已。

我在辩论时要求农业部重整在檳城峇都茅进行金枪鱼登陆港口的发展计划。其实，在这之前，我国曾在檳城峇都茅进行马来西亚国际金枪鱼港口计划（MITP），不过最终还是失败收场。根据2011年3月29日马来西亚国会公共账目委员会报告指出，有关失败原因乃是管理不当。我也读到吉打有意通过建设吉打综合渔产业园（KIFI），将北瓜拉吉打打造成渔业枢纽中心。

我提出檳城、浮罗交怡及瓜拉吉打可以一起合作，成为“合作伙伴”，以便在北马实现“双登港口”，借此和普吉岛和亚齐港口的进行良性竞争。有鉴于海洋捕捉金枪鱼者在赚取丰厚利润的机会，以致于外国如台湾、日本和中国都从遥远的地方来到印度洋捕捉金枪鱼，政府是否有何培训、津贴和奖励来鼓励运营商以及本地青年涉足其中？

我提到经常听到渔民有关渔获和渔产减少等怨言，既然如此，沿海渔民与其在现有的市场空间中展开红海竞争，不如实践蓝海策略，往外开拓市场，而我所谓的蓝海其实就在印度洋，那里有许多渔产。

檳城作为四海包围的州属，近印度洋，应该要多多鼓励渔业养殖业，也应走出去向深海捕鱼进军。#

欢迎投稿

邮寄：19, Lebuh Presgrave, 10300, Pulau Pinang. 电邮：kwongwahforum@gmail.com (谢绝传真及一稿两投)

来稿请注明“昇言堂”主编辑，并附上真实中英文姓名与联系方式。此栏目供各界人士发表意见，惟不设稿费。

■作者言论不代表本报立场，同时作者未获本报许可，不得擅自将作品转发到其他网媒。

Headline	Pork's price hike from RM0.50 to RM1 per kg		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	25 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A34	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	679 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,909
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,727



猪肉涨价 每公斤起^{RM}0.50至1



温丽娟
报导

吉隆坡24日讯 | 生猪价格高居不下，雪隆零售猪肉价格于上周微调，涨幅达50仙至1令吉不等，普通猪肉市价每公斤直昇14令吉！



虽然生猪价格停止上调，性原价依旧高居不下，故零售猪肉近来也调涨每公斤50仙至1令吉。期间不少猪肉贩选择自行吸收差额，以便可以尽快售出猪肉。

雪隆副业厅长李福耀受《东方日报》访问时透露，雪隆副业科定于7月底再定价的生猪买卖合同，目前维持不变，原因获得政府部门关注。

他指出，生猪价格在上半年已经飙升至每公斤8令吉60仙，然而早前他们接获通知，生猪批发价原定要在本月20日调低至每公斤9令吉70仙。

贸消部农部插手

庆幸的是，早前获得贸易部和农业部插手，在有关部门的协调下，猪价才得以不动。

他指出，如今价格保持在最近一次的涨幅，证明有关当局已

经听到了民生的心声，故希望可以协助持续落实有关措施，同时亦乐见政府将会解决猪肉价格的问题。

就在猪肉贩、消费者的焦虑，我希望他们「康农」见好就收，因为猪肉不是必需品，也不是福饗，而是家家户户每天都要吃的东西。

他续称，倘若生猪价格持续调涨，该会不排除会与其它猪肉商联手争取进一步的议价。

大马生猪组主任于强文受访时称，国内生猪供应充足，只是猪肉偏小，但不影响市场需求。

被问及生猪价格，于强文坦言，各别猪农自有定价，本身不会发言。



李秀香 ▶ 再贵你就没人吃了!



马淑娴 ▶ 不会跟风涨价!